

26 MAY 2003

SPR

SPR JANGKA PERSIAPAN PILIHAN RAYA SELESAI APRIL 2004

IPOH, 26 Mei (Bernama) -- Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) menjangkakan semua urusan persiapan pilihan raya umum akan datang, termasuk proses persempadan semula dan latihan bagi 130,000 petugasnya, dapat diselesaikan April tahun depan.

"Ini setelah mengambil kira semua aspek termasuk cuti hujung tahun dan puasa," kata Setiausaha SPR, Datuk Wan Ahmad Wan Omar selepas memberi taklimat mengenai pindaan undang-undang dan peraturan pilihan raya kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional Perak di sini hari ini.

Katanya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan membentangkan usul pindaan Perlembagaan Persekutuan di Dewan Rakyat pada 23 Jun ini bagi membolehkan jumlah kawasan baru dimasukkan.

Ini sebagai susulan kepada kelulusan Rang Undang-undang Pilihan Raya 2003, iaitu persempadanan semula kawasan pilihan raya yang melibatkan perubahan kawasan parlimen daripada 194 kerusi kepada 219 kerusi, oleh dewan yang sama pada 8 April lepas.

Wan Ahmad berkata, urusan pelantikan 130,000 petugas di semua peringkat telah dikenal pasti mengikut nama dan jawatan masing-masing dan siri perjumpaan dengan semua mereka yang terlibat akan diadakan mulai sekarang.

Perjumpaan dengan semua Pegawai Pengurus Pilihan Raya akan diadakan dalam tempoh dua bulan ini, disusuli dengan petugas-petugas di peringkat bawah, iaitu ketua tempat mengundi dan kerani-kerani.

Perjumpaan dengan pegawai pengurus dijangka dapat diselesaikan dalam masa sebulan tetapi bagi peringkat bawah, ia mengambil sedikit masa, bergantung kepada jumlah kerusi parlimen di setiap negeri.

Wan Ahmad berkata SPR juga akan mengadakan perjumpaan dengan semua kontinjen polis negeri manakala taklimat tentang peraturan-peraturan baru pilihan raya untuk parti-parti politik sedang berjalan sekarang.

"Selain memberi peluang SPR memberi penjelasan tentang peraturan-peraturan baru, kita juga dapat maklumat balas dan pandangan pemimpin-pemimpin bahagian," katanya.

Taklimat untuk parti-parti kerajaan di peringkat pusat telah diadakan pada 21 Mei lepas manakala sesi bagi parti pembangkang akan diadakan bagi kali kedua di Kuala Lumpur pada 5 Jun ini.

"PAS Kedah juga telah memohon satu taklimat dan ini akan diadakan dalam masa dua minggu ini. Selepas selesai semua ini, kita akan sampaikan kepada kerajaan melalui satu kertas jemaah menteri," katanya.

Wan Ahmad juga berkata, SPR menjangka akan mendapat kuasa memindahkan pemilih berdaftar ke kawasan pengundian mengikut alamat di dalam kad pengenalan dalam tempoh dua bulan ini.

Katanya, kuasa baru itu mengikut Perkara 22A, Peraturan-Peraturan Pendaftaran Pemilih, Akta Pilihanraya, sedang dikaji oleh Pejabat Peguam Negara sebelum dihantar kepada kabinet.

Beliau berkata, SPR kini tidak boleh memindahkan pemilih berdaftar sewenang-wenangnya mengikut undang-undang lama dan pemberian kuasa baru itu akan membolehkan masalah pengundi yang dipindahkan oleh parti-parti politik diselesaikan.

Misalnya, kata Wan Ahmad, SPR telah menerima daripada Barisan Nasional satu senarai yang mendakwa 15,000 pengundi, termasuk 12,000 di Kedah, telah dipindahkan ke kawasan baru yang bukan dalam alamat asal.

"Melalui undang-undang baru ini, kita akan hantar surat kepada pemilih di alamat baru dan alamat mengikut kad pengenalan. Jika tiada bukti mereka

sebenarnya berada di alamat baru itu, kita akan pindahkan balik ke alamat asal," katanya.

-- BERNAMA

AR MAI